

# Salah Dr. Mahathir atau salah orang Melayu?

Oleh KHALID MOHD

BH 20 JUN 2002

PRESIDEN UMNO, Dr. Mahathir Mohamad kecewa dengan orang Melayu. Jika masa boleh diputar ke belakang, beliau hanya mahu menjadi ahli biasa sahaja.

Beliau tidak mahu menjadi pemimpinnya kerana orang Melayu begitu sukar diubah.

Pada Perhimpunan Agung 1991 dalam ucapan bertajuk *UMNO Ke Arah Abad Ke-21*, Dr. Mahathir bercakap tentang melahirkan Melayu Baru. Maka Melayu pun ghairah mahu menjadi Melayu Baru, tapi mengikut fahaman masing-masing.

Kriteria Melayu Baru mengikut Dr. Mahathir ialah Melayu yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang dapat bersaing tanpa bantuan, yang terpelajar dan berilmu, canggih, jujur, berdisiplin, beramanah dan cekap."

Bukan mudah memenuhi kesemua kriterianya.

Kita sudah pun berada di abad ke-21. Di mana Melayu hari ini? Selain menguasai politik dengan bantuan bukan Melayu, di mana Melayu dari segi penguasaan ekonomi, pemilikan kekayaan?

Jika terdapat Melayu yang tidak tahu di mana mereka berada hari ini, renungilah apa yang Dr. Mahathir kata

## Komentari

bila menjawab satu pertanyaan dalam wawancara dengan *Mingguan Malaysia* Ahad lalu: "Kalau kita cabut semua orang Cina di Kuala Lumpur termasuk rumah dan bangunan mereka, apa yang tinggal... Kampung Baru sajalah."

Jika masih ada Melayu yang tidak faham, mereka patut dicampakkan ke laut. Tidak sukar memahami apa maksud beliau. Sebagai bangsa Melayu, tanyalah, siapa pemilik sebenar bumi bertuah ini yang pernah dipanggil Tanah Melayu.

Apakah orang Melayu masih berada di tahap pemerhati dan penjaga harta orang lain?

Orang Melayu hendaklah bertanya secara jujur: Apakah kami sudah memenuhi kriteria untuk menjadi Melayu Baru atau kami hanya berlagak seperti Melayu Baru?

Jika kayu ukur Dr. Mahathir diguna, jawapannya, belum. Jika kayu ukur sendiri diguna, jawapannya, sudah.

Orang Melayu tentu hairan kenapa Dr. Mahathir kecewa. Mereka tentu bertanya apa lagi yang beliau mahu. Melayu hari ini sudah menjadi doktor, peguam, jurutera dan peniaga besar. Tidak cukupkah? Apa yang dikecewakan lagi?

Setelah 21 tahun memimpin UMNO, Dr. Mahathir menganggap beliau gagal mengubah orang Melayu -- misi besarnya sebagai Presiden UMNO.

Jika beliau tidak tahu bagaimana lagi hendak mengubah orang Melayu, siapa yang tahu? Apakah para perwakilan UMNO tahu? Apakah orang Melayu sendiri lebih tahu?

Semua Melayu merasakan dirinya betul dan sudah berubah. Yang tidak betul dan tidak berubah adalah Melayu lain.

Ahli-ahli perniagaan Melayu merasakan mereka juga sudah berubah. Dulu Melayu jual kuih; hari ini jual macam-macam yang tidak pernah mereka fikirkan. Walaupun ada yang gagal, tidak mengapa. Perubahan telah berlaku.

Jika semua Melayu merasakan mereka sudah berubah, siapa sebenarnya yang tidak berubah?

Sebenarnya, kebanyakan Melayu cuma mengesot sedikit, bukannya berubah dalam konteks dunia hari ini; dalam konteks yang Dr. Mahathir mahukan.

Jika orang Melayu masih belum mampu menjadi Melayu Baru, maka menjadi tanggungjawab Perhimpunan Agung UMNO hari ini mencari punca masalah mereka.

Para perwakilan juga perlu mencari jawapan kenapa Dr. Mahathir, setelah 21 tahun, gagal mengubah orang Melayu -- salah beliau atau salah orang Melayu?